

23/07/1997

Pendekatan baru bagi pertanian, IKS (HL)

Ebi Azly Abdullah

SUBANG, Selasa - Kerajaan akan memperkenalkan pendekatan baru dalam sektor pertanian dan Industri Kecil Sederhana (IKS) bagi meningkatkan kecekapan serta mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pendekatan baru yang akan diperkenalkan itu adalah berdasarkan pengalamannya ketika melawat beberapa negara, termasuk Jepun dan England sepanjang tempoh percutian selama dua bulan.

Dr Mahathir berkata, ia membabitkan peningkatan pengeluaran pekerja dalam sektor pertanian tetapi dengan menggunakan jumlah buruh yang lebih kecil dan penggunaan pekerja tempatan saja dalam sektor tertentu.

Sambil memberi contoh England, beliau menjelaskan petani di negara itu boleh menguruskan kawasan ladang seluas beribu-ribu hektar, tanpa memerlukan jumlah tenaga yang besar.

"Saya dapati cara mereka bertani berbeza dengan kita yang masih mengikut cara lama. Kita gunakan pekerja yang ramai dan cara kita tidak efisien langsung, sedangkan negara tidak memiliki tenaga buruh mencukupi.

"Jika kita tidak dapat meningkatkan penggunaan tenaga manusia, maka kita tidak boleh maju. Sehubungan itu, ada pendekatan baru yang perlu kita ambil jika kita ingin memajukan negara," katanya di sini hari ini.

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) selepas percutian selama dua bulan. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; menteri Kabinet, Menteri Besar, Ahli Parlimen dan tokoh korporat.

Menurut Dr Mahathir, beliau mendapati Jepun yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi pesat serta sektor perindustrian yang besar, tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing, sebaliknya banyak menggunakan tenaga tempatan.

"Ini bermakna, walaupun negara itu sudah maju mereka boleh meningkatkan daya keluaran pekerja tempatan dengan cekap serta mengikut keperluan domestik.

"Bagaimanapun, kita masih di tahap menggunakan tenaga pekerja secara kurang efisien, sebaliknya menggunakan tenaga asing. Ini menyebabkan banyak pengaliran keluar wang kita ke luar negara," katanya.

Ditanya bila langkah baru berkenaan akan diperkenalkan, Dr Mahathir menjelaskan ia terpulang kepada perbincangan yang akan adakan di peringkat kementerian terbabit.

(END)